



(iii) Upon expiration of the policy or the Facility; / Apabila tamat polisi atau Kemudahan;

(iv) Upon notification by me to fully withdraw the advance premium fund. / Apabila dimaklumkan oleh saya untuk mengeluarkan kesemua dana bayaran pendahuluan.

In such case, the interest will be calculated up to the last month before the advance premium fund is refunded to me. / Dalam keadaan ini, faedah akan dikira sehingga bulan terakhir sebelum dana premium pendahuluan dikembalikan kepada saya.

(d) I understand that I have chosen to make additional payment on top of my premium into the Facility as stipulated above. The premium of the above policy/proposal will be paid from the Facility until the premium payment duration is reached. I further understand that the amount accumulated in the Facility is NOT GUARANTEED as the Facility interest rate may vary from time to time, in which event, I agree to pay the difference to the Company in respect of premium due. / Saya faham bahawa saya telah memilih untuk membuat bayaran tambahan di atas premium saya ke dalam Kemudahan seperti dinyatakan di atas. Premium bagi polisi/cadangan tersebut akan dibayar daripada Kemudahan sehingga tempoh bayaran premium dicapai. Saya juga faham bahawa amaun terkumpul dalam Kemudahan TIDAK DIJAMIN kerana kadar faedah Kemudahan mungkin berubah dari semasa ke semasa, dan sekiranya berlaku, saya bersetuju untuk membayar perbezaan premium yang perlu dibayar kepada Syarikat apabila genap tempoh.

(e) I am aware that if I request for partial or full withdrawal from the Facility, the withdrawn amount will be subjected to a fee of 1% or RM10 (exclusive of GST), whichever is higher. For partial withdrawal, the Facility account balance must have a minimum balance of RM50 after the withdrawal. / Saya sedar bahawa sekiranya saya memohon untuk membuat pengeluaran separa atau penuh daripada Kemudahan ini, amaun yang dikeluarkan akan tertakluk kepada yuran sebanyak 1% atau RM10 (tidak termasuk GST), yang mana lebih tinggi. Untuk pengeluaran separa, baki minimum di dalam akaun saya mestilah sebanyak RM50 selepas sebarang pengeluaran.

(f) I understand and agree that any of my personal information collected or held by the Company (whether contained in this application or otherwise obtained) may be held, used, and disclosed by the Company to individuals or organisations related to or associated with the Company or any selected third party (within or outside of Malaysia, including reinsurer and claims investigation companies and industry associations/federations) for the purpose of processing this application and providing subsequent service for the policy and to communicate with me for such purposes. I understand that I am entitled to obtain access to and request correction of any personal information held by the Company and that such request can be made to the Company's Customer Careline at 1300-88-5055. I will keep the Company updated of any change to such personal information as soon as possible. / Saya faham dan setuju bahawa sebarang maklumat peribadi saya yang diperolehi atau disimpan oleh Syarikat (sama ada terkandung dalam permohonan ini atau diperolehi dengan cara lain) boleh disimpan, digunakan dan didedahkan oleh Syarikat kepada individu atau organisasi yang berkaitan dengan Syarikat atau mana-mana pihak ketiga yang terpilih (di dalam atau di luar Malaysia termasuk penanggung insurans semula dan siasatan tuntutan serta persatuan/persekutuan industri) untuk tujuan pemprosesan permohonan ini dan memberikan perkhidmatan seterusnya untuk polisi ini serta berhubung dengan saya bagi tujuan tersebut. Saya memahami bahawa saya berhak mendapat akses kepada maklumat tersebut dan meminta sebarang pembetulan dibuat ke atas mana-mana maklumat peribadi yang disimpan oleh Syarikat dan permintaan tersebut boleh dibuat kepada talian Khidmat Pelanggan Careline Syarikat di 1300-88-5055. Saya akan memaklumkan Syarikat mengenai sebarang perubahan kepada maklumat peribadi secepat mungkin.

(g) I hereby declare that the information given in this application is true and accurate to the best of my knowledge and record. I shall release and discharge the Company fully from any liability for any loss arising from the reliance on the above information. / Saya dengan ini mengaku bahawa maklumat yang diberikan di dalam permohonan ini adalah benar dan tepat sepanjang pengetahuan dan rekod saya. Saya akan membebaskan dan melepaskan Syarikat sepenuhnya daripada apa-apa liabiliti daripada apa-apa kerugian yang timbul daripada pergantungan kepada maklumat di atas.

(h) I hereby confirm and agree to adhere to the terms and conditions of this Facility. / Saya dengan ini mengesahkan dan bersetuju untuk akur dengan terma-terma dan syarat-syarat Kemudahan ini.

Signature of policy owner /  
Tandatangan pemilik polisi

Date / Tarikh   -   -

Signature of assignee/trustee (if applicable) /  
Tandatangan pemegang serah hak/pemegang amanah (jika terpakai)

Name / Nama

NRIC number (new)/Other identification number /  
Nombor kad pengenalan (baru)/Nombor pengenalan lain

Date / Tarikh   -   -

Signature of witness /  
Tandatangan saksi

Name of witness / Nama saksi

NRIC number (new)/Other identification number /  
Nombor kad pengenalan (baru)/Nombor pengenalan lain

Date / Tarikh   -   -